

Mengadap ke bawah hadrat Yang Teramat Mulia,
Datuk Kelana Putera Muhammad Kassim bin Datuk Nika
Haji Abdul Rashid, C.M.G.,
Undang Luak Sungai Ujung,
Seremban.

Per: Pemilihan calon Datuk Muda Linggi

Yang Teramat Mulia Datuk,

Dengan segala hormat dan takzim, adalah hamba Datuk ini, Datuk Penglima Besar Linggi menyembahkan; berhubung dengan pemergian Allah Yarham Encik Yahya bin Abu, bekas Datuk Muda Linggi yang ke sembilan pada 9hb. Oktober, 1974 yang lalu, maka seperti yang biasa dilakukan mengikut adat, telahlah hamba Datuk mengumpulkan ahli-ahli waris menyang bagi memilih gantinya.

Oleh kerana Allah Yarham itu waris dari Perut Solok, maka mengikut peraturan, tibalah giliran ahli-ahli waris Perut Hilir bagi menyang pesaka tersebut.

Adapun ahli-ahli waris Perut Hilir yang berhak menyang sekarang ialah waris dari keturunan Empah binti Abdulah yang beranakkan Sibuk binti Haji Muhammad dan Kechik binti Shamshuddin. Akan Sibuk binti Haji Muhammad beranakkan Mohd. Shah bin Mohd. Jan. Kechik binti Shamshuddin pula, di antara lain-lain beranakkan Zaharin bin Maulud.

Seperti yang Datuk telah sedia menyetujuinya, hamba Datuk telah merundingkan hal mencari pengganti Datuk Muda Linggi itu mulai kira-kira setelah sebulan lamanya Allah Yarham tersebut itu meninggal dunia. Oleh kerana terdapat beberapa halangan yang agak sulit hamba Datuk mengatasinya, maka hinggalah kepada hari Ahad, 29hb. Jun, 1975, bersamaan dengan 19hb. Jamadil-Akhir, 1395, kira-kira pukul 6.00 petang; dengan izin Allah, maka barulah dapat hamba Datuk memuafatkan semua waris-waris yang berkenaan. Maka berkebulatanlah ahli-ahli waris Perut Hilir semuanya yang hadir itu menyerahkan pesaka jawatan ini kepada hamba Datuk yang bernama Zaharin bin Maulud.

Adalah bersama-sama ini, hamba Datuk lampirkan satu salinan senarai nama-nama ahli-ahli Perut Hilir yang telah bersebut kata memberikan persetujuan di atas; bersama-sama juga dengan nama-nama ahli-ahli dari perut Solok yang hamba Datuk jemput sebagai menjadi saksi.

Yang Teramat mulia Datuk,

Adapun tentang calon dari perut Hilir yang seorang lagi iaitu hamba Datuk yang bernama Mohd. Shah bin Mohd. Jan, telahpun memberikan pengakuan bahawa ianya memulangkan sahaja kepada hamba Datuk tentang urusan memilih pengganti Allah Yrham yang tersebut. Bersama-sama ini ada hamba Datuk lampirkan salinan surat pengakuannya itu.

Demikianlah hamba Datuk merafakkan sembah; bahawa bagi pihak waris-waris Perut Hilir yang telah bersemuafakat, inilah hamba Datuk menyembahkan hariba Datuk yang bernama Zaharin bin Maulud sebagai calon yang akan menyandang jawatan pusaka Datuk Muda Linggi. Adalah hamba Datuk dengan penuh takzim menyerahkan untuk pengesahan Datuk.

Sekianlah hamba Datuk menyembahkan; hamba Datuk sudahi dengan sembah takzim yang berkekalan jua.

Adalah hamba Datuk yang menyembahkan

Tertulis di Linggi,
Pada lhb.Julai, 1975.

.....*H. J. K.*.....

(Haji Muhammad bin Pok, P.J.K.)
DATUK PENGLIMA BESAR
LINGGI

Salinan kepada:

Datuk Shahbandar Abu Bakar b. Othman, ✓
Balai Ampangan, Sungai Ujung,
Seremban.